

Headline **China tarik balik larangan pesakit HIV**
Date **22 Apr 2010**
MediaTitle **Berita Harian**
Section **Dunia**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **192,982 / 1,521,000**

Language **Malay**
Page No **38**
Article Size **54 cm²**
Color **Black/white**
ADValue **736**
PRValue **2,209**



China tarik balik larangan pesakit HIV

BEIJING: China akan menarik balik larangan yang dikenakan sejak sekian lama terhadap kemasukan rakyat asing yang disahkan positif HIV ke negara itu, seawal-awalnya bulan ini.

Akhbar *China Daily* melaporkan, Majlis Negara atau Kabinet memutuskan Isnin

lalu bahawa mereka akan membuat perubahan terhadap undang-undang yang melarang rakyat asing pembawa virus HIV masuk ke negara itu.

Di bawah peraturan sekarang, mereka yang mempunyai penyakit berjangkit seperti HIV/AIDS atau penya-

kit mental tidak dibenarkan masuk ke negara itu.

Perubahan itu akan diumumkan sebelum Ekspo Dunia Shanghai 1 Mei ini, kata Hao Yang, timbalan pengarah biro kawalan dan pencegahan penyakit di Kementerian Kesihatan yang dipetik akhbar berkenaan. – AFP